

22/03/2002

Kertas cadangan pindaan SSB ke Kabinet

PUTRAJAYA, Khamis - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sudah menyiapkan kertas cadangan mengenai pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB), yang menjalani proses pembaikan kali kedua dan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji Anggota Sektor Awam, tidak lama lagi.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata kajian JPA mengenai skim itu sejak pertengahan tahun lalu kini sudah selesai dan akan diserahkan kepada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"JPA sudah menerima dua memorandum daripada Gabungan Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) di mana beberapa saranan atau teguran mereka mengenai pelaksanaan SSB sudah diambil kira dan disertakan dalam kertas cadangan ini.

"Walaupun satu kertas cadangan sudah diberi kepada jawatankuasa itu, masalah berhubung beberapa perkara tidak dapat diselesaikan. JPA diarah mengubahsuai beberapa saranan awal yang dikemukakan.

"Kerajaan berterima kasih kepada kesatuan sekerja kerana sedia menyelesaikan isu seumpama ini menerusi rundingan dan berharap kerjasama erat sedia ada akan berkekalan," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Pihak Pekerja Bagi Pekerja Am Dalam Kumpulan Sokongan Sektor Awam, di sini hari ini.

Sementara itu, Pengerusi MBK, Datuk Siva Subramaniam, yang juga Presiden Cuepacs, mengalu-alukan keprihatinan kerajaan mendengar rintihan pekerja sektor awam, terutama yang menjadi mangsa penindasan Skim Gaji Matriks di bawah SSB.

"Ramai kakitangan awam berpendapat prosedur pemberian kenaikan gaji melintang atau menegak mengikut budi bicara ketua jabatan masing-masing harus dikaji semula kerana ia cenderung disalah guna akibat didorong sikap pilih kasih atau mengutamakan kepentingan peribadi.

"Pemberian ini akan dinikmati kakitangan awam seumur hidup dan wajar diberi berdasarkan merit. Sebaliknya, kita dapati sebahagian besar penerima pada hakikatnya tidak layak mendapat keistimewaan ini jika berdasarkan mutu kerja mereka.

"Pada masa yang sama, ada ketua jabatan menguruskan pentadbiran secara kuku besi dan tidak mewujudkan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebagai saluran kakitangan berjumpa dengan pegawai atasan bagi membincangkan isu semasa," katanya pada sidang akhbar yang sama.

Difahamkan, JPA dan Cuepacs sama-sama tidak berpuas hati dengan perjalanan serta pelaksanaan MBJ di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan kerana pelaksanaannya masih tidak menepati Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992.

(END)